



295. Perolehan Percetakan

- 295(a) Perolehan percetakan am hendaklah dilaksanakan dengan syarikat percetakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan iaitu secara pembelian terus bagi perolehan bernilai sehingga RM50,000, kaedah sebut harga bagi perolehan bernilai melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 dan kaedah tender bagi perolehan melebihi RM500,000.
- 295(b) Semua percetakan dokumen keselamatan yang akan dilaksanakan oleh Agensi hendaklah dirujuk terlebih dahulu dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (PKPKM, JPM) bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pengesahan ke atas dokumen keselamatan yang akan dicetak agar memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan oleh PKPKM, JPM. Agensi hendaklah melaksanakan perolehan perkhidmatan percetakan dengan syarikat percetakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang cetak keselamatan mengikut had nilai dan kaedah perolehan seperti di bawah Arahan Perbendaharaan 295(a).